



MASIDI menerima watakah pelantikannya daripada Noraini, Isnin lepas.

Masidi dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UMS

DE 5-8-2020 3

KOTA KINABALU: Bekas Meneteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Seri Masidi Manjun dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu berkuat kuasa 3 Ogos.

Beliau menggantikan Datuk Wira Ir. Md Sidek Ahmad.

“Watakah pelantikan sebagai Pengerusi LPU UMS baharu disampaikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr Noraini Ahmad di bangunan Parlimen, Isnin lepas,” kata Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin, dalam kenyataan di sini, Selasa.

Masidi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti London dan berdaftar sebagai Barrister-at-Law dengan Kepujian di Lincoln Inn, London.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS) dari 1994 hingga 2004 dan

turut menjadi ahli lembaga pengarah di Bank Pembangunan Sabah pada waktu itu.

Dalam dunia politik, beliau merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) untuk Karanaan, kawasan Parlimen Ranau sejak 2004 sehingga kini dan pernah menjawat jawatan Menteri Belia dan Sukan serta Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah merangkap Exco Pendidikan Negeri Sabah.

“Warga UMS merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas atas pelantikannya dan yakin beliau mampu memberikan perkhidmatan terbaik demi kecemerlangan UMS di persada nasional dan antarabangsa,” kata Taufiq.

“Sementara itu, kami di UMS juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Datuk Wira atas sumbangan dan jasa bakti beliau selama memegang jawatan Pengerusi LPU UMS,” tambahhya.